KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	04/12/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	JKPTG			

HM 4.12.2021 11



TAKIYUDDIN (berdiri kiri) bersama Amirudin (berdiri tengah) melihat Haris (duduk kiri), Zurinah serta Syed Azmin (duduk kanan) menandatangani dokumen pada Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Sistem Pentadbiran Tanah Secara Elektronik (e-Tanah) Bagi Pejabat Tanah dan Galian Selangor, semalam.

Laksana sistem pentadbiran tanah secara elektronik

Shah Alam: Kerajaan Selangor memeterai perjanjian bersama Kerajaan Pusat serta Puncak Tegap Sdn Bhd (PTSB) sebagai syarikat konsesi pelaksanaan sistem pentadbiran tanah secara elektronik (e-Tanah) di pejabat tanah dan galian dan pejabat daerah dan tanah negeri ini.

Perjanjian itu dimeterai Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) Datuk Zurinah Pawanteh sebagai wakil kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Datuk Haris Kasim dan Pengerusi Eksekutif PTSB Syed Azmin Syed Nor.

Turut hadir pada majlis itu adalah Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari.

Takiyuddin dalam ucapannya berkata, proses pembangunan sistem e-Tanah akan dimulakan di pentadbiran tanah negeri apabila perancangan sistem selesai dibangunkan serta dapat diguna pakai pada 2023.

Beliau berkata kementeriannya kini sedang giat melaksanakan sistem e-Tanah kerjasama awam-swasta itu ke lapan negeri dan dua wilayah persekutuan, susulan kejayaaan pelaksanaannya di Kuala Lumpur.

"Sehingga Oktober lalu, sistem e-Tanah kerjasama awam-swasta ini berjaya dibangun dan digunakan di Perak bermula 11 Februari lalu serta di Putrajaya dan Labuan pada 29 Oktober lalu.

"Peluasan ke negeri lain sedang giat dilaksanakan berdasarkan perancangan, dan dijangka sistem e-Tanah ini akan dapat diguna pakai sepenuhnya di negeri lain pada 2024 kelak," katanya. - Bernama